

CIRI-CIRI KESELAMATAN PADA REKABENTUK BANGUNAN KEDIAMAN
TINGGI

TOH PAIK SEE

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAY, 2008

ABSTRAK

Pada ambang milenium yang semakin canggih ini, banyak bangunan tinggi telah didirikan. Sehubungan dengan itu, banyak kemalangan juga telah berlaku. Seperti yang boleh dibaca dari suratkhobar, terdapat banyak kes penghuni bangunan yang terjatuh dari bangunan, kereta terjatuh dari bangunan dan banyak lagi. Memandangkan terdapat banyak kejadian ini yang berlaku, timbul satu persoalan iaitu adakah kemalangan yang berlaku ini disebabkan rekabentuk bangunan yang tidak selamat? Bukan itu sahaja, adakah rekabentuk bangunan tinggi di negara kita kurang elemen-elemen keselamatan? Isu kemalangan akibat rekabentuk bangunan inilah yang menjadi asas kepada kajian penyelidikan ini. Oleh itu, satu penyelidikan ini dilakukan untuk mengenalpasti samada rekabentuk bangunan tinggi ini mengikut ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan oleh peraturan atau undang-undang. Penyelidikan ini hanya tertumpu terhadap bangunan kondominium di sekitar Johor Bahru. Selain itu, penyelidikan ini juga meliputi elemen-elemen bangunan yang tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah pemerhatian. Instrumen yang digunakan untuk melakukan pemerhatian adalah senarai semak. Hasil daripada pemerhatian yang telah dilakukan, secara amnya didapati bahawa elemen-elemen yang diperhatikan mematuhi ciri-ciri seperti yang dinyatakan dalam piawaian. Elemen tangga paling tidak memenuhi peraturan yang ditetapkan. Elemen ini hanya memenuhi 65% daripada kehendak peraturan dan undang-undang. Tetapi, masih terdapat sebahagian kecil yang tidak mematuhi sepenuhnya ciri-ciri yang ditetapkan dalam piawaian.

ABSTRACT

In this modern age, skyscraper can be found in almost every corner of the world due to the technological development and increase in population. As part of the side effect from the popularity of high rise building, cases of accidents due to the high rise building factors had significantly increased. News regarding the accident cases such as occupant or even their vehicles fall from the high rise building or the likes can be read from news paper or any other media. In view of this, a question had been arose, are these accident happened due to the poor design of the building? Also, are the safety factors not given much attention in the design of high rise building in Malaysia? This issue has become the basis of this research. The research is conducted to identify if the building design complying with the safety regulation as preset by the statute or by-laws. As the outcome of the observation conducted, generally the observed elements do conform to the regulation as stated in the preset standard. Staircase is the element which most commonly is not constructed accordance to the preset standard. The result shows only 65% of the element fulfill the safety regulation as preset by the statute or by-laws. And yet, there are still some major parts of the building which are not comply with the preset standard.